



13 Januari 2025
13 January 2025
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 6) 2019 (PINDAAN) 2025

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2019
(AMENDMENT) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2019 (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2019 (Pindaan) 2025**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2019 [*P.U. (A) 162/2019*] dipinda dalam perenggan 3—

(a) dengan menggantikan subsubperenggan (2)(a) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(a) pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, sekurang-kurangnya enam puluh peratus modal saham diterbitkan syarikat yang layak itu dimiliki—

(i) secara langsung oleh seorang warganegara Malaysia;

(ii) oleh suatu pertubuhan perbadanan yang mentadbir dan menguruskan suatu kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

(iii) oleh suatu syarikat yang—

(A) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016

dan bermastautin di Malaysia dalam tempoh
asas bagi tahun taksiran itu; dan

- (B) sekurang-kurangnya enam puluh peratus modal
saham diterbitkan syarikat itu dimiliki oleh
seorang warganegara Malaysia atau suatu
pertubuhan perbadanan yang mentadbir
dan menguruskan suatu kumpulan wang
yang ditubuhkan di bawah mana-mana
undang-undang bertulis;” dan

- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (2) subperenggan yang
berikut:

“(2A) Bagi maksud Perintah ini, pertubuhan perbadanan
yang mentadbir dan menguruskan suatu kumpulan wang
yang disebut dalam subsusubperenggan (2)(a)(ii) adalah seperti
yang berikut:

- (a) Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
yang ditubuhkan di bawah seksyen 3
Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991
[Akta 452];
- (b) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
yang ditubuhkan di bawah seksyen 3
Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007
[Akta 662];
- (c) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan
di bawah seksyen 3 Akta Tabung Haji 1995
[Akta 535];

- (d) Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*]; atau
- (e) mana-mana pertubuhan perbadanan yang mentadbir dan menguruskan suatu kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.”.

Dibuat 31 Disember 2024

[MOF.TAX(S)700-2/1/205; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-315; PN(PU2)80/JLD.113]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2019 (AMENDMENT) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2019 (Amendment) Order 2025**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2025.

Amendment of paragraph 3

2. The Income Tax (Exemption) (No. 6) Order 2019 [*P.U. (A) 162/2019*] is amended in paragraph 3—

(a) by substituting for subsubparagraph (2)(a) the following subsubparagraph:

“(a) at the beginning of the basis period for a year of assessment, at least sixty per cent of the issued share capital of the qualifying company is owned—

(i) directly by a Malaysian citizen;

(ii) by a body corporate which administers and manages a fund established under any written law; or

(iii) by a company which is—

(A) incorporated under the Companies Act 2016 and resident in Malaysia in the basis period for that year of assessment; and

- (B) at least sixty per cent of the issued share capital of the company is owned by a Malaysian citizen or a body corporate which administers and manages a fund established under any written law;” and

(b) by inserting after subparagraph (2) the following subparagraph:

“(2A) For the purposes of this Order, the body corporate which administers and manages a fund referred to in subsubsubparagraph (2)(a)(ii) is as follows:

- (a) the Employees Provident Fund Board which is established under section 3 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452];
- (b) the Retirement Fund (Incorporated) which is established under section 3 of the Retirement Fund Act 2007 [Act 662];
- (c) the Lembaga Tabung Haji which is established under section 3 of the Tabung Haji Act 1995 [Act 535];
- (d) the Lembaga Tabung Angkatan Tentera which is established under section 4 of the Tabung Angkatan Tentera Act 1973 [Act 101]; or
- (e) any body corporate which administers and manages a fund established under a written law as approved by the Minister.”.

Made 31 December 2024

[MOF.TAX(S)700-2/1/205; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-315; PN(PU2)80/JLD.113]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*